

19 JUN 1999

Mahkamah-Anwar (Mahathir)

PEMBELAAN DIBENAR FAIL PERMOHONAN TERHADAP MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini membenarkan pihak pembelaan dalam perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim atas tuduhan meliwat untuk memfail permohonan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipenjarakan kerana menghina mahkamah.

Hakim Datuk Arifin Jaka ketika membenarkan permohonan itu difailkan berkata bahawa adalah wajar bagi pihak pembelaan untuk memfail permohonan secara formal daripada membuat permohonan secara lisan kepadanya.

"Saya tidak katakan yang Perdana Menteri melakukan kesalahan menghina mahkamah. Saya tidak boleh membuat keputusan sekarang dan saya tidak tahu sama ada saya akan mendengarnya. Tetapi failkan permohonan sebagaimana sepatutnya dan biarlah mahkamah membuat keputusan yang sewajarnya," kata beliau kepada peguam Karpal Singh.

Karpal sebelum itu memberitahu mahkamah bahawa beliau telah diambil oleh Anwar sebagai peguam bersama dalam perbicaraan bersama bekas Timbalan Perdana Menteri itu dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja. Karpal telah mewakili Sukma sejak perbicaraan itu dimulakan pada 7 Jun.

Dalam permohonan lisannya, Karpal berhujah bahawa Dr Mahathir, dalam ucapannya pada perhimpunan agung Umno semalam, telah bercakap mengenai moral dan tingkah-laku Anwar yang didakwa telah "menentukan terlebih dahulu keputusan mahkamah" (mengenai kes berkenaan).

"Mahkamah ini hendaklah mengarahkan supaya beliau hadir di mahkamah untuk menunjukkan sebab mengapa beliau tidak harus dipanjarakan kerana menghina mahkamah," kata Karpal.

Ketika merujuk kepada teks ucapan Dr Mahathir, Karpal berkata petikan dalam ucapan perdana menteri yang membawa kerosakan paling teruk ialah apabila beliau berkata bahawa "moral dan perlakuan Anwar-lah yang menghalangnya daripada menjadi Presiden Umno".

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah membantah permohonan itu sambil berkata isu pemecatan Anwar daripada kerajaan dan Umno ialah isu-isu kepentingan umum dan domain, dan Dr Mahathir, sebagai pemimpin Umno dan perdana menteri, harus dibenar untuk menjelaskannya.

Beliau berkata sebenarnya, sabit kesalahan Anwar terhadap tuduhan rasuah dua bulan lalu, yang juga berhubung-kait dengan perlakuannya, juga telah diketahui umum.

Mohtar berhujah tiada unsur penghinaan dalam ucapan itu sambil berkata adalah tidak wajar untuk mengemukakan permohonan ketika perbicaraan dijalankan.

"Jika pihak pembelaan berpendapat bahawa ada unsur penghinaan, maka mereka hendaklah mengemukakan permohonan secara rasmi kepada Mahkamah Tinggi dan Ketua Hakim Negara akan memutuskan hakim yang akan mendengar permohonan itu.

"Tetapi awak tidak boleh mengemukakan permohonan secara spontan ketika berdiri di depan hakim. Awak tidak boleh berkata bahawa ia berniat jahat atau mempunyai unsur penghinaan kerana semuanya itu dilakukan oleh perdana menteri ketika menjalankan tugasnya untuk negara," kata beliau.

Anwar, 51, dan Sukma, 38, menghadapi tuduhan berasing meliwat Azizan Abu Bakar di unit no 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, di sini, kira-kira 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, pengusaha butik, menghadapi tuduhan kedua bersubahat dengan Anwar melakukan kesalahan itu di tempat dan masa yang sama. Azizan ialah bekas pemandu peribadi kepada Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri

Anwar.

Kepada hujah Mohtar tentang masa yang sesuai bagi mengemukakan permohonan, Karpal memetik kes peguambela Manjeet Singh Dhillon yang diminta memberi tunjuk sebab mengapa beliau tidak harus dipenjarakan kerana menghina mahkamah.

Waran tangkap dikeluarkan terhadap Manjeet berhubung dokumen mengenai perbualananya dengan dua timbalan kanan pendakwa raya yang digunakan oleh Anwar untuk menyokong permohonan untuk menghalang kedua-dua pegawai berkenaan daripada menjalankan pendakwaan pada perbicaraannya.

Manjeet ketika itu mewakili Datuk S. Nallakaruppan, rakan tenis Anwar yang menghadapi tuduhan mengikut Akta Senjatapi.

"Apakah bezanya antara beliau (Manjeet) dan perdana menteri? Jika prosedur itu dipakai, maka itulah prosedur yang wajar.

"Yang Arif harus melakukan sesuatu supaya prinsip keluhuran undang-undang dapat dipertahankan," kata Karpal.

Mohtar berkata dalam kes Manjeet, dokumen itu dikemukakan kepada mahkamah dan permohonan dibuat bersabit dengan isu yang didengar di mahkamah. "dalam kes ini, perdana menteri bercakap di forum yang berlainan dan tidak di hadapan mahkamah," kata beliau.

Peguam Negara berkata pihak pembelaan sendiri yang meminta bagi menarik balik "perintah yang melarang sesiapa daripada bercakap, menulis atau melaporkan mengenai kes Anwar" yang dikeluarkan oleh hakim lain bersabit dengan kes yang sama.

Mohtar juga berkata laporan polis telah dibuat oleh isteri kepada saksi pendakwaan yang kedua, Dr Mohamaed Fadzil Man, berhubung dengan "campurtangan" oleh seorang anggota pasukan pembelaan.

Karpal berkata pihak pembelaan tidak akan mengugut mana-mana saksi dan memberi jaminan kepada Mohtar bahawa undang-undang harus melalui prosesnya.

Mengenai perintah itu, beliau berkata jika perdana menteri berkata sesuatu yang tidak sepatutnya beliau menyatakan, maka itu adalah menghina mahkamah.

"Saya berpendapat bahawa apa yang perdana menteri katakan akan mempengaruhi perbicaraan ke atas tertuduh, terutama Anwar," kata beliau.

-- BERNAMA

RA AHH FAZ